

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

JUMAAT, 23 OKTOBER 2020 BH

4

Nasional

Penularan COVID-19

1,257 pelajar dijangkiti virus sejak 20 September

847 jangkitan baharu dikesan, lima lagi kematian dilaporkan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 1,257 kes positif COVID-19 yang dikesan sejak gelombang ketiga melanda negara bermula 20 September lalu, membabitkan pelajar sekolah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah itu, seramai 587 adalah pelajar berusia tujuh hingga 12 tahun, manakala 670 lagi pelajar berusia 13 hingga 18 tahun.

Secara keseluruhan sejak pandemik COVID-19 bermula di negara ini pada Februari, beliau berkata, seramai 830 pelajar berusia tujuh hingga 12 tahun dikesan dijangkiti sehingga 21 Oktober lalu, manakala kumpulan umur 13 hingga 18 tahun pula membabitkan 1,315 pelajar.

"Bagaimanapun, permulaan gelombang ketiga antara 20 September hingga 21 Oktober, seramai 587 pelajar berusia tujuh hingga 12 tahun dijangkiti, manakala pelajar berusia 13 hingga 18 tahun

pula seramai 670 orang," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 12 sekolah ditutup sejak gelombang ketiga COVID-19 bermula, membabitkan sekolah dalam Zon Merah dan terabit dengan kluster jangkitan.

Ia meliputi tiga sekolah di Negeri Sembilan (Kluster Cahaya, Kluster Sofi, Kluster Bah Manggis); tiga sekolah di Johor (Kluster Simeru, Kluster Rinting); dua sekolah di Kuala Lumpur (Kluster Jalan Pantai, Kluster Long).

Selain itu, sebuah sekolah di Pulau Pinang (Kluster Alma); sebuah sekolah di Melaka (Kluster Bukit); sebuah sekolah di Putrajaya (Kluster Selasih) dan sebuah sekolah di Sarawak (Kluster Bah Arnab).

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 847 kes baharu COVID-19 dikesan setakat tengah hari semalam, sebahagian besarnya atau 578 kes adalah di Sabah, manakala penularan tempatan adalah sebanyak 842 kes dan lima lagi ke import.



Dr Noor Hisham pada sidang media di Putrajaya, semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 23,804 dengan jumlah kebolehhajngkitan kini 8,183 kes. Selain Sabah, 19.4 peratus atau 164 kes dicatatkan di Lembah Klang dan daripada jumlah itu, 71 kes atau 43.3 peratus dikesan daripada kluster sedia ada," katanya.

Bagi kes sembuh, beliau memaklumkan, sebanyak 486 kes dilaporkan setakat tengah hari semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 15,417 kes atau 64.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, enam kluster baharu juga dikesan semalam di Sabah, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, iaitu Kluster Tinusa di Sandakan yang sudah menjangkiti 33 individu, Kluster Sauh di Kota Kinabalu dan Papar di Sabah serta Miri di Sarawak yang menjangkiti 17 individu.

"Kluster ketiga, iaitu Kluster Jambu dikesan di Hulu Langat, Selangor dan sudah menjangkiti 15 individu. Kluster keempat ialah Kluster Sofi yang dikesan di Seremban, Negeri Sembilan yang kini sudah menjangkiti 34 individu.

"Kluster kelima adalah Kluster Bah Mutiara di Hulu Langat, Se-

langor serta Titiwangsa dan Lembah Pantai di Kuala Lumpur yang menjangkiti 10 individu. Kluster terakhir, Kluster Umboo di Alor Gajah di Melaka yang menjangkiti empat individu," katanya.

Mengenai kes kematian, Dr Noor Hisham memaklumkan, lima kematian dilaporkan semalam, masing-masing empat kes di Sabah dan satu di Kedah, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 204.

"Kes kematian ke-200 membabitkan wanita berusia 67 tahun dan ada penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia, dilaporkan meninggal dunia di Hospital Sultanah Bahiyah di Kedah. Kematian ke-201, wanita berusia 65 tahun di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

"Kes kematian ke-202, lelaki berusia 88 tahun di Hospital Duchess of Kent, Sabah. Kematian ke-203, lelaki berusia 78 tahun dan mempunyai strok meninggal di Hospital Tuaran, manakala kematian ke-204, wanita berusia 60 tahun meninggal di Hospital Duchess of Kent," katanya.

Sementara itu, beliau menasihatkan wanita berpurdah serta berniqab turut memakai pelitup

12 sekolah ditutup sejak gelombang ketiga COVID-19 bermula, membabitkan sekolah dalam Zon Merah.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

muka bagi mengelakkan dijangkiti COVID-19 kerana pemakaian kedua-duanya tidak mampu menghalang jangkitan.

Menegaskan pemakaian purdah satu lapisan tidak mencukupi untuk melindungi daripada dijangkiti, Dr Noor Hisham mencadangkan pemakaian pelitup muka perubatan atau fabrik tiga lapisan di sebalik purdah yang dipakai.

Beliau juga menasihatkan orang ramai tidak terpedaya membeli ubat diiklankan di aplikasi jual beli dalam talian, kerana berkesan merawat COVID-19 kerana belum ada mana-mana ubat disahkan berkesan dan mampu merawat individu daripada jangkitan.

Sampel Kluster Tabligh berpunca dari Indonesia

Putrajaya: Penjujukan genom terhadap sampel diambil daripada kalangan pesakit COVID-19 membabitkan Kluster Tabligh, mengesahkan andaian Kementerian Kesihatan (KKM) sebelum ini bahawa ia berpunca dari Indonesia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pada awal jangkitan kes jemaah tabligh di Masjid Sri Petaling pada akhir Februari hingga awal Mac itu, KKM mengesyaki ia datang dari Indonesia kerana seramai 692 jemaah dari negara terabit turut menghadiri perhimpunan.

"Ketika itu andaian kita ialah jangkitan itu mungkin datang dari Indonesia. Apabila kita membuat

penjujukan genom, kita dapati sebarang ini, jangkitan itu datang daripada 'strain' Indonesia," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kajian juga dilaksanakan di Depoh Tahanan Imigresen dan penjujukan genom terhadap sampel daripada pesakit di pusat itu juga menunjukkan ada antara warga Indonesia yang ditahan mendapat jangkitan sama dengan 'strain' dari Indonesia.

"Justeru, permulaan gelombang kedua berasal dari Indonesia," katanya.

Genom ialah bahan baka keseluruhan semua organisma hidup dan boleh dilihat sebagai gedung genetik menyimpan maklumat

mengenai protein yang akan dihasilkan organisma untuk hidup.

Walaupun tidak dianggap sesuatu yang hidup, virus juga mempunyai genom dengan nama rasmi virus menyebabkan COVID-19 ialah SARS-CoV-2.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, walaupun penjujukan genom di negara ini hanya dilakukan terhadap sampel yang diambil dalam sesebuah kluster serta jenis tertentu, ia sememangnya membantu kesiapsiagaan KKM dalam menangani penularan wabak itu.

Beliau berkata, penjujukan yang dibuat terhadap Kluster Tabligh, Pesakit Bawah Siasatan

(PUI) Sivagangga, Bukit Tiram dan Lahad Datu masih mampu memberi gambaran dari mana seseorang itu mendapat jangkitan COVID-19.

"Malaysia telah menjalankan penjujukan genom, tetapi bukan kepada semua kes yang disahkan positif. Apa yang penting, kita melihat kepada kluster yang akan membantu perancangan strategik KKM, membuat kesiapsiagaan dan sebagainya.

"Penjujukan genom tidak membantu kita membendung penularan COVID-19, tetapi apa yang kita dapat tahu daripada lokasi jangkitan dan kesiapsiagaan, iaitu perancangan kita ba-

gaimana kita kena kawal jika mutasi ini boleh menyebabkan kadar jangkitan yang tinggi," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, penjujukan genom juga mengambil masa lama untuk dikenal pasti, iaitu antara dua hingga tiga minggu dan pada masa sama, banyak mutasi D614G sudah menggantikan jenis virus yang sebelum ini menjadi punca jangkitan.

"Setakat ini tiga negeri dikenal pasti mempunyai mutasi D614G, iaitu Kedah, Sabah dan Johor. Kemungkinan besar mereka yang pulang dari Sabah membawa virus itu ke Selangor, tetapi kita sedang menjalankan pengasingan kultur virus untuk mengetahui jika ia benar-benar dari Sabah," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

JUMAAT, 23 OKTOBER 2020

7

PATUHI SOP PKPB, ELAK JANGKITAN



**Bersama
Hentak
Wakab
Covid-19**

Oleh Johari Ibrahim
joib@bh.com.my

Putrajaya: Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sabah sehingga 27 Oktober ini dilaksanakan bagi mengekang penularan COVID-19 di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, hampir semua sektor ekonomi termasuk kedai makan dan perkhidmatan masih dibenarkan beroperasi dalam tempoh tertentu dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Penting bagi semua penduduk di kawasan berkenaan mematuhi SOP sepenuhnya bagi membendung penularan COVID-19 gelombang ketiga di kawasan masing-masing.

PKPB kali ini hanya membatalkan Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sabah bagi membendung penularan COVID-19 sehingga 27 Oktober ini yang kemudian akan bergantung kepada penilaian Kementerian Kesihatan sama ada diteruskan atau sebaliknya.

MKN juga menyarankan pekerja dari zon merah yang perlu datang ke pejabat supaya melakukan ujian calitan COVID-19.

Walaupun sebahagian kakitangan awam mula bekerja dari rumah, sistem penyampaian kerajaan tidak akan terjejas.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata hanya 30 peratus daripada jumlah maksimum pegawai perkhidmatan awam Persekutuan, dibenarkan berada di pejabat bermula semalam sehingga tamat tempoh PKPB.

Katanya, peraturan itu terpakai untuk negeri yang berada dalam PKPB iaitu Kuala Lumpur dan Labuan, Selangor, Putrajaya serta Sabah.

Beliau berkata, dengan jumlah kehadiran sebanyak 30 peratus itu, ketua jabatan juga harus memastikan perkhidmatan asas agensi tidak terjejas dan berterusan dapat

dicapai oleh pelanggan berdasarkan Piagam Pelanggan Kementerian, jabatan atau agensi masing-masing.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pelaksanaan PKPB yang memasuki minggu kedua, menunjukkan penurunan kadar kebolehhajangan di Sabah dan Selangor.

Namun, ia masih belum mencukupi dan banyak lagi perlu dilakukan bagi memastikan kadar kebolehhajangan itu dikurangkan hingga bawah 1.

Beliau berkata, kadar kebolehhajangan sebelum PKPB dilaksanakan adalah pada 2.2 dan kini turun ke 1.5.

"Jadi apa yang akan kita lakukan? Kita masih menggunakan strategi PKPB tetapi di beberapa kawasan yang kita lihat mempunyai banyak kes seperti di Semporna, kita boleh melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPD) dan kita lakukan ujian calitan kepada semua orang.

Dr Noor Hisham berkata, di Selangor saja, kadar kebolehhajangan sebelum PKPB dilaksanakan pada 1.98 dan kini ia antara 1.48 dan 1.5.

Beliau berkata, keputusan untuk menjalankan PKPB dibuat kerana ada keperluan untuk mengimbangkan antara nyawa dan kehidupan.

Sejak wakab COVID-19 mula menyerang dunia, termasuk Malaysia pada Februari lalu, kakitangan barisan hadapan seperti doktor, jururawat, polis, anggota tentera dan petugas am kesihatan bertungkus-lumus tanpa mengira tenaga membendung pandemik itu.

Kerajaan pula menerusi MKN mengubal pelbagai dasar dan tindakan seperti mewujudkan undang-undang dan SOP, melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kemudian PKPB, PKP Diperketatkan dan PKP Pemulihan.

Kini, tugas barisan hadapan itu perlu ditanggung bersama oleh semua anggota masyarakat dengan mematuhi SOP yang ditetapkan terutama berkaitan dengan pemakaian pelitup muka di tempat awam, kerap membersihkan tangan, jangan keluar rumah jika tiada urusan penting dan mengamalkan etika batuk dan bersin bagi mengekang jangkitan.

Keputusan untuk menjalankan PKPB dibuat kerana ada keperluan untuk mengimbangkan antara nyawa dan kehidupan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Nasional

SOP KETIKA PKPB DI SELANGOR, KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN SABAH

AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN



- Keluar masuk atau rentas daerah.
- Pekerja yang perlu rentas daerah kena tunjuk pas kerja/surat kebenaran majikan.
- Bas ekspres dan berhenti-henti (SABAH SAHAJA)

- Pembukaan masjid, surau, rumah ibadat bukan Islam.
- Solat Jumaat dan fardu di masjid, surau tidak dibenarkan di Selangor.

- Aktiviti sukan, rekreasi, sosial dan budaya, termasuk majlis kahwin, pertunangan.
- Majlis rasmi/tidak rasmi kerajaan/swasta, majlis sosial seperti kenduri, majlis perkahwinan, pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, tahlii, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion.

- Aktiviti hiburan dan budaya, taman tema, rekreasi.
- Aktiviti di kawasan tertutup (indoor), berkelah, aktiviti kolam renang, aktiviti bersentuhan fizikal/sukan tempur, aktiviti perlawanan bagi sukan berpasukan dan aktiviti penganjuran kejohanan/pertandingan.

- Acara, pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negeri.
- Operasi pusat hiburan dan kelab malam.

- Semua sekolah, IPT, institut latihan, tadika, taska, pusat tahfiz, taman awam dan pusat rekreasi.

- Pelancongan ke luar dan ke dalam kawasan PKPB, luar dan dalam negeri

- Seminar/bengkel/kursus/latihan/persidangan/ceramah/pameran.
- Mesyuarat bersemuka tidak digalakkan, hanya sidang video.

AKTIVITI DIBENARKAN



- Hanya 2 orang dari sebuah rumah keluar beli barangan keperluan.
- Semua kegiatan ekonomi, industri dan perkilangan di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Sabah.



- Pasar raya, pusat beli-belah dan kedai runcit.
- Restoran, kedai/gerai makan, kenderaan bersaji (food truck), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera/pusat penjaja, gerai makan tepi jalan/kiosk, kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan antara jam **6 PAGI HINGGA 10 MALAM**
- Makan di kedai terhad kepada **4 ORANG 1 MEJA** mengikut SOP ditetapkan.



- Pasar harian **6 PAGI HINGGA 2 PETANG**
- Pasar borong **4 PAGI HINGGA 2 PETANG**
- Pasar tani **6 PAGI HINGGA 12 TGH HARI**
- Pasar malam **4 PETANG HINGGA 10 MALAM**

- Stesen minyak antara **6 PAGI HINGGA 10 MALAM** (lebuhraya 24 jam)



- Farmasi/kedai ubat **8 PAGI - 11 MALAM**
- Klinik, hospital kerajaan, swasta **24 JAM**

- Gimnasium
- Futsal/padang bola komersial **MAKSIMUM 10 ORANG**

- Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang.
- Pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas ekspres, LRT/ MRT/ ERL/ Monorel dan teksi/ e-hailing.



- Kes kecemasan seperti sakit dan pengurusan jenazah di luar daerah perlu memohon kebenaran polis.
- Individu berasal dari kawasan PKPB dibenarkan pulang ke kawasan dengan kebenaran polis.
- Aktiviti lain yang tidak termasuk dalam senarai tidak dibenarkan.

- Solat Jumaat di Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak melebihi **50 JEMAAH**
- Solat fardu maksimum **20 JEMAAH**



KERJA DARI RUMAH

- **SEKTOR AWAM** maksimum **30 PERATUS** bekerja di pejabat kecuali perkhidmatan penting, kritikal.
- **SEKTOR SWASTA** digalakkan bekerja dari rumah.

UJIAN CALITAN PEKERJA DI ZON MERAH

- Diwajibkan bagi pekerja warga asing dalam sektor pembinaan dan pengawal keselamatan.
- Diwajibkan bagi mereka yang bergejala.
- Bagi pekerja dari zon merah yang perlu ke pejabat, mereka **AMAT DISARANKAN** menjalani ujian calitan.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

2

www.hmetro.com.my @hmetromy f HarianMetro @hmetromy

Jumaat 23.10.2020 | Harian Metro

covid-19

6 lagi kluster baharu dikesan

Kuala Lumpur: Bagaimana tiada nakhah apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti enam lagi kluster baharu Covid-19, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster baharu pertama dikenal pasti adalah Kluster Tinusa yang dilaporkan di Sandakan, Sabah.

"Kes indeks kluster ini dikenal pasti melalui hasil saringan individu bergejala pada 6 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent.

"Saringan kontak rapat dilakukan mengenal pasti 33 lagi kes positif. Sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), seramai 586 individu disaring dengan 33 kes positif, 486 individu negatif dan 67 individu masih menunggu keputusan," katanya pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kluster kedua dikenal pasti adalah Kluster Sauh yang dilaporkan di Kota Kinabalu dan Papar, Sabah selain Miri, Sarawak.

"Kes indeks bagi kluster ini iaitu dua individu

didapati positif hasil saringan individu bergejala pada 13 Oktober lalu sebelum masing-masing dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan Hospital Miri.

"Saringan kontak rapat dilakukan mendapati 15 lagi kes positif. Sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), seramai 149 individu disaring dengan 17 kes dikesan positif dan 132 individu negatif," katanya.

Beliau berkata, satu lagi kluster dikenal pasti adalah Kluster Jambu yang dilaporkan di Hulu Langat, Selangor dengan kes indeks dikenal pasti positif hasil saringan prapembedahan 16 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Saringan kontak rapat dilakukan mengenal pasti 13 lagi kes positif. Sehingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), seramai 139 individu disaring dengan 15 kes dikesan positif dan 124 masih menunggu keputusan.

"Kluster keempat iaitu Kluster Sofi pula dilaporkan di Seremban, Negeri Sembilan dengan kes indeks bagi kluster ini adalah hasil saringan individu bergejala

pada 20 Oktober lalu.

"Saringan kontak rapat dilakukan mendapati 33 lagi kes positif bagi kluster ini. Sehingga jam 12 tengah hari tadi, seramai 160 individu disaring dengan 34 kes dikesan positif, 11 individu negatif dan 115 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Katanya, kluster kelima dikenal pasti adalah Kluster Bah Mutiara yang dilaporkan di Hulu Langat, Selangor serta Titivangsa dan Lembah Pantai, Kuala Lumpur.

"Kes indeks kluster ini yang mempunyai sejarah perjalanan dari Sabah dikenal pasti melalui hasil saringan individu bergejala pada 23 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh," katanya.

Menurutnya, kluster keenam dikenal pasti adalah Kluster Umboo yang dilaporkan di Alor Gajah, Melaka.

"Kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-21,322 didapati positif hasil saringan di Depoh Tahanan Imigresen pada 18 Oktober lalu sebelum dimasukkan ke Hospital Melaka," katanya.

HARAP PKPB TAMAT SEGERA

Golongan peniaga terkesan kekurangan pelanggan akibat perintah bekerja dari rumah

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Penetapan bekerja dari rumah oleh kerajaan bermula semalam memberi kesan terutamanya kepada peniaga akibat kekurangan pelanggan.

Tinjauan Harian Metro di sekitar Jalan Bunsu dan beberapa lokasi di ibu negara mendapati keadaan kawasan perniagaan yang biasanya dikunjungi orang ramai lengang.

Begitu juga dengan medan selera serta kedai makan yang hanya dikunjungi beberapa pelanggan, sebahagian besarnya membeli makanan secara bungkus.

Peniaga nasi kukus, Siti Nabillah Alias, 30, berkata,

pelaksanaan bekerja dari rumah memberi kesan mendadak kepada jualan.

Katanya, walaupun memulakan perniagaan jam 12 tengah hari, tidak ramai pelanggan yang datang. "Memang terkesan.

Biasanya pada waktu ini (tengah hari), pelanggan yang bekerja di sekitar kawasan ini akan beratur panjang.

"Tetapi hari ini (semalam), tidak ada. Hanya seorang dua yang datang beli, saya harap Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini segera berakhir supaya perniagaan kembali normal," katanya yang berniaga sejak lima tahun lalu.

Eksekutif jualan, Mastura Che Ahmad, 40, berkata, jumlah jualan setakat tengah hari berkurang daripada sebelumnya kerana ketiadaan pelanggan.

"Walaupun ramai yang bekerja dari rumah, kami di sektor perkhidmatan ini kena teruskan juga. Harapan saya semoga akan ada mekanisme lain bagi membolehkan orang ramai menjalankan urusan seperti biasa," katanya.


Sementara itu, bagi Ali Syed Mohd, 54, perniagaan restoran yang diusahakannya di Jalan Pantai Baru juga merosot sekitar 60 peratus berbanding kebiasaan.

Katanya, ia mungkin disebabkan pelanggan yang biasanya memenuhi kedainya bekerja dari rumah seperti mana arahan dikeluarkan kerajaan.

"Bagaimanapun, saya bersyukur kerana masih boleh berniaga dan berharap keadaan akan semakin pulih dalam tempoh terdekat ini," katanya.



PUSAT beli-belah 1 Utama baru dibuka kembali selepas ditutup selama tujuh hari sejak 12 Oktober lalu akibat coronavirus kelihatan lengang semalam.



SUASANA di persimpangan Bukit Bintang yang kelihatan sunyi dan lengang, malam semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO


MUKA SURAT : 3

RUANGAN : COVID-19

Harian Metro | Jumaat 23.10.2020

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my

3



TINJAUAN suasana di Sunway Pyramid yang kebiasaannya dikunjungi orang ramai kini lengang berikutan peningkatan kes Covid-19.



KEADAAN lengang di sekitar Jalan Tunku Abdul Rahman berikutan penguatkuasaan PKPB, semalam.



SEORANG peniaga menunggu pelanggan di gerainya di Jalan Tunku Abdul Rahman, semalam.

KES LONJAK KEPADA 847

Bilangan positif Covid-19 negara ini kini 23,804 kes

Oleh Mahaizura
Abd Malik dan Nurul
Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kurang 24 jam, kes positif Covid-19 di negara ini melonjak kepada 847 kes setakat tengah hari semalam, berbanding 732 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, rekod terbaharu itu menjadikan jumlah kes positif Covid-19 kepada 23,804 kes.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19 adalah 8,183 kes dan pesakit sudah diasingkan dan diberi rawatan.

"Daripada 847 kes baharu yang dilaporkan, terdapat lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dilaporkan di



Daripada 847 kes baharu dilaporkan, terdapat lima kes import mendapat jangkitan dari luar negara dilaporkan di Selangor"

Dr Noor Hisham

Selangor.

"Semuanya membabitkan bukan warganegara iaitu dari India (empat kes) dan satu kes dari Amerika Syarikat," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata, terdapat lima pertambahan kes kematian menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kepada 204 kes. "Sehingga kini, 90 kes positif Covid-19 sedang

dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) membabitkan 29 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Pada hari ini (semalam), Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 578 kes (68.2 peratus). Manakala negeri di Lembah Klang pula mencatatkan pertambahan 164 kes," katanya.

Menurut beliau, 13 kes direkodkan semalam membabitkan Kluster Penjara Reman, Kluster Tembok dan saringan di Penjara Taiping dan Penjara Tapah.

"Kes ini sememangnya terasng dan tidak menjangkiti masyarakat.

"Sebelas kes adalah pengunjung yang pulang dari Sabah yang menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah 465 kes," katanya.

4,629 penduduk diarah PKPD

Kuala Lumpur:

Peningkatan kes positif Covid-19 di Anjung Teduh, Felda Sahabat di Lahad Datu, Sabah menyebabkan kerajaan memutuskan untuk mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lokaliti itu mulai 24 Oktober sehingga 6 November depan.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia akan membabitkan 544 unit rumah dan seramai 4,629 penduduk.

Katanya, menerusi pelaksanaan PKPD, semua penduduk dikehendaki mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, dan mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan PKPD.

"Bagaimanapun, kelonggaran akan diberi untuk operasi kedai runcit yang mana kita benarkan ia dibuka dari jam 6 pagi hingga 6 petang bagi membolehkan penduduk

membeli barangan keperluan.

"Biasanya kita hantar barang makanan kering kepada penduduk terbabit, tetapi seperti yang kita tahu keperluan lebih daripada makanan kering kerana ada antara mereka mempunyai bayi dan mereka memerlukan susu dan lampin pakai buang," katanya dalam sidang media harian di sini, semalam.

Namun, Ismail Sabri berkata, penduduk hanya boleh ke kedai runcit untuk mendapatkan barangan keperluan dan terus balik ke rumah.

"Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, mereka dibenarkan untuk keluar, tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terbabit," katanya.

Sembilan penjara diisolasi

Kuala Lumpur: Sembilan penjara di utara dan Selangor dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) mulai semalam hingga 4 November depan.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia membabitkan Pusat Koreksional Perlis, Penjara Sungai Petani, Penjara Taiping, Pusat Koreksional Kamunting dan Penjara Tapah di Zon Utara.

Katanya, penjara di Selangor adalah Penjara Reman Sungai Buloh, Penjara Kajang, Penjara Wanita Kajang dan Pusat Koreksional Puncak Alam.




Katanya, prosedur operasi standard (SOP) bagi PKPD di semua penjara dan kuarters penjara ini adalah sama seperti SOP PKPD penjara yang dilaksanakan sebelum ini.

"Antara SOP yang ditetapkan adalah pergerakan keluar masuk tidak dibenarkan di kawasan ini termasuk lawatan oleh ahli keluarga tahanan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

/  HarianMetro  @hmetromy  www.hmetro.com.my 5

covid-19



JASAD wanita yang ditemui maut selepas terjun dari tingkat lapan bangunan HQEI, kelmarin.

Langkah terdesak wanita sudah sihat

Kota Kinabalu: Seorang wanita yang sebelum ini disahkan positif Covid-19 ditemui mati dipercayai terjun dari tingkat lapan bangunan Hospital Queen Elizabeth I (HQEI) di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 9.15 malam, wanita warga tempatan berusia 63 tahun itu dikatakan terjun dari tingkat di tingkat lapan bangunan hospital berkenaan sebelum disedari kakitangan hospital yang kemudian memaklumkan kepada polis.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu Asisten Komisyoner Habibi Majinji berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian itu pada jam 9.30 malam.

Katanya, siasatan awal mendapati mangsa dimasukkan ke hospital berke-

naan pada 13 Oktober lalu selepas disahkan positif Covid-19.

Menurutnya, selepas mendapatkan rawatan lanjut, mangsa disahkan bebas penyakit berkenaan dan dijadualkan untuk dikeluarkan dari HQEI, semalam.

"Mayat mangsa kini ditempatkan di Jabatan Forensik HQEI.

"Polis sedang menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca mangsa terjun termasuk mencari saksi di tempat kejadian," katanya ketika dihubungi, semalam.

Habibi berkata, setakat ini kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut dan orang awam yang mempunyai maklumat berhubung mangsa diminta tampil membantu siasatan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : LOKAL

Jumaat 23.10.2020 | **Harian Metro**

Wanita maut dijangkiti rabies

Kuala Lumpur: "Seorang wanita berusia 34 tahun dari Sibu, Sarawak, meninggal dunia Ahad lalu akibat dijangkiti wabak rabies," kata Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Katanya, kes rabies terbaharu itu menjadikan jumlah kes tahun ini adalah empat, manakala jumlah keseluruhan wabak rabies di Sarawak yang diisytiharkan pada 1 Julai 2017 hingga kelmarin sebanyak 26 kes.

"Mangsa dimasukkan ke Hospital Sibu 12 Oktober lalu kerana mengalami lemah pada kedua-dua kaki sejak lima hari sebelum dimasukkan ke wad.

"Mangsa meninggal dunia jam 11.30 pagi pada 18 Oktober lalu dengan diagnosis *rabies encephalitis* dan disahkan dijangkiti virus rabies melalui ujian makmal yang dijalankan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) pada 19 Oktober lalu.

"KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, siasatan mendapati kawasan rumah mangsa terletak berdekatan tapak pelupusan sampah dan terdapat banyak anjing liar berkeliaran.

Katanya, mangsa pernah digigit anjing peliharaan pada hujung 2018 namun tidak mendapatkan rawatan di mana-mana kemudahan kesihatan dan anjing terbabit bebas bercampur dengan haiwan lain serta tidak pernah diberi suntikan vaksin anti-rabies.

Beliau berkata, anjing itu dibunuh orang awam susulan kejadian menggigit seorang lagi individu, namun tiada sampel dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Sarawak bagi ujian pengesanan jangkitan rabies pada anjing terbabit.

- Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19 KEMBALI MENGGANAS

8



COVID-19 KEMBALI MENGGANAS

Realiti pahit angka tiga digit Covid-19


Dengan kluster kali ini lebih pelbagai, rakyat Malaysia bagaikan dihantui virus Covid-19 yang seolah-olah ada di mana-mana sahaja

Oleh LIZA MOKHTAR

SHAH ALAM

JUMLAH KES COVID-19 DI MALAYSIA

Peningkatan angka bermula dari 1 Oktober 2020



Sumber: KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Kenaikan jumlah kes harian Covid-19 di Malaysia sehingga mencecah tiga digit sejak awal bulan Oktober menyajikan realiti pahit bahawa negara sedang berdepan ledakan gelombang ketiga koronavirus.

Lebih menakutkan dengan kluster Covid-19 kali ini lebih pelbagai, rakyat Malaysia seolah-olah dihantui virus itu di mana-mana sahaja. Setakat ini sekurang-kurangnya 11 buah pusat beli-belah di Lembah Klang dan 12 buah sekolah di seluruh negara telah mempunyai kes positif Covid-19.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon, meskipun kes harian menunjukkan jumlah yang tinggi, namun majoriti kes berasal dari Sabah dan pada ketika ini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain agensi sedang menumpukan segala bentuk bantuan kepada negeri itu bagi menangani Covid-19.

“Gelombang ketiga virus Covid-19 pada ketika ini secara am terbahagi kepada tiga kelompok iaitu kelompok di Sabah, penjara dan Lembah Klang.

“Kita telah melaksanakan Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Sabah dan keadaan terkawal dengan adanya prosedur operasi standard (SOP) ketat seperti kawalan keluar masuk di Sabah dan ujian saringan yang komprehensif,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Mengakui kes di Negeri Di Bawah Bayu itu kini menuju ke arah penstabilan dan penurunan, Rohaizat berkata, ramai petugas kesihatan seperti doktor pakar, jururawat, doktor bersara, kontrak dan sukarela dikerah ke Sabah. Selain itu pihak KKM turut menghantar peralatan seperti ventilator serta PPE yang secukupnya.

“Pada ketika ini terdapat sembilan hospital yang boleh merawat pesakit Covid-19 ditambah dengan 27 buah Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid Berisiko Rendah (PKRC). Tidak cukup

dengan itu kita juga ada Hospital Medan (*field hospital*) dengan kerjasama tentera yang memiliki 100 buah katil untuk pesakit Covid-19.

“Kita juga bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan NADMA untuk membantu PKRC dari segi makanan. Sampel-sampel yang terlalu banyak dari Sabah turut diterbangkan ke Semenanjung dengan bantuan Tentera Udara Diraja Malaysia dan Pos Laju,” tegas beliau.

Langgar SOP

Rohaizat menambah, bagi kluster penjara, peningkatan berlaku disebabkan fasiliti yang padat sepertimana dahulu adanya kluster Depot Tahanan Imigrasi, cuma bezanya penjara berada di kawasan tertentu dan pelaksanaan *lockdown*, SOP dan nyahkuman telah mampu mengawal peningkatan kes Covid-19.

“Bagi kluster di Lembah Klang dan Selangor, kita percaya dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan pemantapan SOP kita mampu menangani virus Covid-19. Bagi lain-lain negeri kes-kes tidak begitu tinggi dan terdapat kawasan yang hijau,” katanya.

Dalam pada itu, Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi/Biostatistik) Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Malina Osman berkata, pola gelombang ketiga yang dikesan mulai minggu keempat bulan September dijangka meningkat bagi tempoh dua hingga empat minggu akan datang.

“Kepatuhan terhadap SOP merupakan faktor penentu sama ada rantaian jangkitan dapat diputuskan dan kes seterusnya dapat diturunkan,” kata Malina kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Tegas beliau, kepatuhan terhadap SOP masih memerlukan perhatian serius berikutan ramai yang mengambil sikap sambil lewa serta mempermudah risiko jangkitan.

“Kepatuhan terhadap SOP yang tidak diambil berat menyaksikan ramai yang masih tidak memakai pelitup muka dengan sempurna iaitu membiarkan hidung tidak ditutup serta tidak menjaga jarak.

“Selain itu, masih ramai yang mengadakan himpunan sosial tidak rasmi serta majlis-majlis keraian yang sepatutnya ditangguhkan,” katanya lagi.

Pandemik yang telah menjangkiti lebih 41 juta orang dan meragut lebih sejuta nyawa di seluruh dunia itu akan berlarutan sehinggalah vaksin berkesan ditemui. Apa yang mampu dilakukan pada ketika ini adalah mematuhi SOP kesihatan yang digariskan pihak berkuasa bagi mengelakkan diri daripada dijangkiti.

Mutasi

Menurut laporan laman web Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 19 Oktober terdapat 198 vaksin percubaan yang sedang diusahakan di seluruh dunia dan 44 daripadanya kini berada di peringkat ujian klinikal.

Pakar virologi, Profesor Dr Sazaly Abu Bakar pula berkata, sepertimana yang dinyatakan KKM, kegagalan segelintir masyarakat mematuhi sepenuhnya SOP merupakan antara punca ledakan gelombang ketiga yang menyaksikan 204 kes kematian direkodkan di seluruh negara setakat 22 Oktober.

Sazaly yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pendidikan Penyakit Berjangkit Tropika Universiti Malaya bagaimanapun menegaskan, tiada bukti untuk menyokong kebarangkalian virus Covid-19 semakin bermutasi sekali gus menyebabkan ia lebih mudah berjangkit.

Terdahulu, mutasi D614G dikatakan punca virus dalam pesakit tinggi namun Sazaly berkata, setakat ini tiada bukti saintifik yang kukuh bagi menyokong peranan mutasi tersebut dalam penularan virus gelombang ketiga.



ROHAIZAT



MALINA



SAZALY

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes positif kembali melonjak

Sebanyak 847 kes baharu, lima kematian direkodkan semalam

PUTRAJAYA

Jumlah kes baharu Covid-19 di negara ini kembali melonjak kepada 847 kes selepas mencatat penurunan semalam selain turut merekodkan lima lagi kematian baharu dan 486 kes pulih.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan dalam tempoh 24 jam lepas itu menjadikan angka terkumpul positif Covid-19 di Malaysia berjumlah 23,804 kes dengan kes aktif sebanyak 8,183 kes.

Menurutnya, daripada 847 kes baharu, terdapat lima kes import yang telah mendapat jangkitan dari luar negara dilaporkan di Selangor yang kesemuanya melibatkan bukan war-

ganegara iaitu empat kes dari India dan satu kes dari Amerika Syarikat.

"Pada hari ini (semalam), Sabah masih mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 578 kes (68.2 peratus). Ini adalah hasil usaha gigih yang dijalankan di negeri Sabah, yang lebih banyak petugas kesihatan telah dimobilisasikan daripada Semenanjung dan juga dari dalaman negeri Sabah untuk terus menjalankan saringan di lapangan.

"Bagi negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan pertambahan sebanyak 164 kes (19.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Daripada 164 kes baharu, 71 kes (43.3 peratus) adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, secara keseluruhan sebanyak



NOOR HISHAM

13 kes yang direkodkan semalam adalah daripada Kluster Penjara Reman, Kluster Tembok dan saringan di Penjara Taiping dan Penjara Tapah, yang sememangnya terasing dan tidak menjangkiti masyarakat.

Beliau berkata, sebanyak 11 kes pula merupakan pengunjug yang pulang dari Sabah, menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September lepas adalah sebanyak 465 kes.

Mengenai kematian baharu, katanya, empat kes direkodkan di Sabah melibatkan tiga warganegara dan seorang warga asing manakala satu kes melibatkan warganegara di Kedah.

"Dengan pertambahan lima kes kematian, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 204 kes," katanya. - Bernama

Purdah, niqab tidak mampu halang jangkitan Covid-19

PUTRAJAYA - Pemakaian purdah dan niqab tidak mampu menghalang individu tersebut daripada dijangkiti koronavirus (Covid-19).


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hanya dua jenis pelitup muka yang disaran digunakan untuk mengelak daripada dijangkiti virus berkenaan.

"Purdah satu lapisan tidak cukup (melindungi dari dijangkiti)," katanya di sini semalam.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesyorkan individu yang memakai purdah dan niqab turut memakai pelitup muka di bahagian dalam.

"Sama ada menggunakan pelitup muka perubatan ataupun fabrik tiga lapis di sebalik purdah," katanya mengulas mengenai keperluan pemakaian pelitup muka bagi wanita berpurdah.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

4

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 23 OKTOBER 2020

Dalam Negeri

Covid-19




ANGGOTA Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melakukan sekatan jalan raya di Plaza Tol Sungai Besi, Kuala Lumpur semalam berikutan peningkatan kes Covid-19 di Lembah Klang. -UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH

Covid-19 di Lembah Klang semakin serius

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Perkembangan kes positif Covid-19 di Lembah Klang semakin serius apabila mencatatkan pertambahan 164 kes positif baharu semalam termasuk 71 kes daripada kluster-kluster baharu dan sedia ada.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu meliputi 847 kes baharu yang dicatatkan, sekali gus menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 23,804 kes dengan kes aktif kebolehhajngkatan 8,183 kes.

Menurut beliau, sebanyak lima kematian direkodkan selain pertambahan enam lagi kluster baharu iaitu Kluster Tirusa di Sandakan (33 kes), Kluster Sauh di Kota Kinabalu dan Papar (17 kes);

Kluster Jambu di Hulu Langat (15 kes), Kluster Sofi di Seremban (34 kes), Kluster Bah Mutiara di Hulu Langat serta Titiwangsa dan Lembah Pantat (10 kes) dan Kluster Umboo di Alor Gajah (empat kes).

Beliau berkata, Sabah masih mencatatkan kes tertinggi dengan 578 kes berdasarkan hasil usaha gigih di negeri itu dengan lebih banyak petugas kesihatan telah dimobilisasikan daripada Semenanjung dan dalam untuk terus menjalankan saringan



DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

di lapangan.

Pada masa sama, katanya, lebih banyak ujian makmal RT-PCR telah dapat dijalankan di Sabah dan dihantar ke Semenanjung, di samping pertambahan ujian saringan RTK Antigen untuk ujian segera dijalankan di lapangan.

Beliau berkata, sebanyak 13 kes dicatatkan daripada kluster-kluster di penjara selain 11 kes melibatkan pengunjung dari Sabah menjadikan jumlah keseluruhan kes berkaitan itu sebanyak 465 kes sejak 20 September lalu.

"Daripada 847 kes baharu itu, hanya lima kes import dan selebihnya penularan tempatan. Daripada 578 kes di Sabah, 223 kes daripada kluster sedia ada

dan enam kes dari Kluster Tirusa dan Kluster Sauh.

"Di Selangor, 59 kes daripada 132 kes dicatatkan adalah daripada kluster sedia ada selain enam kes dari Kluster Jambu. Di Negeri Sembilan pula mencatatkan 38 kes dengan 33 kes daripada Kluster Sofa," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, Labuan mencatatkan 29 kes, Kuala Lumpur (23 kes termasuk satu kes dari Kluster Bah Mutiara), Perak (14 kes), Pulau Pinang (10 kes) dan Putrajaya empat kes.

Katanya, Kedah, Kelantan dan Melaka merekodkan tiga kes selain satu kluster dari Kluster Umboo, Pahang (dua kes) dan masing-masing satu kes di Terengganu, Johor dan Sarawak.

Noor Hisham memberitahu, pada masa ini terdapat 99 kluster masih aktif dengan 39 kluster ada pertambahan kes, manakala 108 kluster sudah tamat.

"Kapasiti harian 61 makmal Covid-19 telah menjalani 58,466 ujian sehabian dan semalam sebanyak 23,713 ujian dilaksanakan.

"Tiga makmal di Sabah melakukan ujian 2,600 maksimum tetapi semalam berjaya melakukan ujian sebanyak 2,782 melebihi kapasiti selain 2,429 sampel ujian dihantar ke Semenanjung," katanya.

Sekolah As Sofa Senawang ditutup

SEREMBAN: Sekolah Tinggi Islam As Sofa (STIAS) Senawang mengesahkan seramai 33 orang pelajarinya positif Covid-19 semalam.

Pengerusi Pengelola STIAS Senawang, Abdullah Abdol Razak berkata, keputusan tersebut diperoleh hasil ujian saringan yang dibuat seluruh warga kerja dan pelajar di STIAS Senawang berikutan salah seorang daripada pelajarinya didapati positif Covid-19.

"Bagaimanapun, pihak pengurusan sekolah telah mengambil tindakan pantas kuarantin sendiri dengan tidak membenarkan warganya keluar daripada kawasan sekolah dan tidak membenarkan sesiapa untuk masuk ke kawasan sekolah sebaik sahaja mengetahui ada pelajarinya yang positif Covid-19.

"Kesemua 33 orang pelajar tersebut telah pun dibawa ke pusat kuarantin khas oleh pihak Kementerian Kesihatan, sementara baki pelajar dan warga kerja yang masih belum mendapat keputusan juga sedang menjalani kuarantin sementara menunggu keputusan ujian daripada pihak Kementerian Kesihatan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan melalui akaun rasmi Facebook STIAS semalam.

Angka tersebut turut disah-

kan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, semalam.

Abdullah berkata, seluruh kawasan STIAS Senawang telah disanitasi, dikosongkan dan ditutup sepenuhnya.

Sejak malam kelmarin, tular mesej dalam aplikasi WhatsApp berhubung seramai 33 pelajar Sekolah Tinggi Islam As Sofa di Jalan Bunga Tanjung 1/1, Senawang Industrial Park dekat sini yang dipercayai positif Covid-19.

Menerusi mesej tersebut, kesemua pelajar berkenaan dibawa ke Hospital Rembau serta pusat kuarantin di Bandar Enstek, Nilai sejak malam kelmarin.

Kesemua mereka didapati positif selepas pihak Pejabat Kesihatan Daerah membuat ujian saringan kelmarin terhadap 84 pelajar yang mempunyai kontak rapat dengan seorang pelajar sekolah tersebut yang disahkan positif Covid-19.

Menurut mesej itu juga, saringan dibuat terhadap baki 75 pelajar semalam, namun keputusan masih belum diperolehi.

Turut tular kelmarin, video yang memaparkan sebuah bas dan beberapa buah van serta ambulans yang dipercayai digunakan untuk membawa pelajar yang positif Covid-19 tersebut ke Hospital Rembau.



SEBUAH van membawa pelajar Sekolah Tinggi Islam As Sofa di Senawang, Seremban dipercayai untuk dibawa ke pusat kuarantin di Bandar Enstek Nilai, semalam. - UTUSAN/MUHAMMAD IZZAT TERMIZIE

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

6

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 23 OKTOBER 2020

Dalam Negeri

2,145 pelajar dijangkiti virus

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Jangkitan Covid-19 dalam kalangan pelajar sekolah telah merekodkan seramai 2,145 orang sepanjang tempoh sejak Februari lalu sehingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 830 kes daripada golongan pelajar berumur tujuh hingga 12 tahun dan 1,315 kes daripada golongan pelajar berumur 13 hingga 18 tahun.

Menurut beliau, sejak permulaan gelombang ketiga pada 20 September lalu sehingga semalam, ia merekodkan 587 kes (7 hingga 12 tahun) dan 670 kes (13 hingga 18 tahun).

Noor Hisham berkata, sebanyak 12 sekolah juga telah ditutup sejak gelombang ketiga itu.

"Penularan jangkitan Covid-19 didapati dibawa masuk ke sekolah iaitu bukan bermakna jangkitan dari sekolah tetapi mendapat jangkitan dari luar seperti kluster-kluster, mendapat jangkitan daripada keluarga dan kes sporadik.

"Jangkitan virus ini berlaku kalau ada perhimpunan dan tiada penjarakan fizikal yang dibawa oleh pembawa virus sama ada bergejala atau tidak. Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) dan diharapkan pihak sekolah dapat mematuhi," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, jika ada jangkitan di sekolah, pusat pendidikan itu akan ditutup seminggu untuk aktiviti nyah cemar dan mengenal pasti kontak rapat dalam kalangan pelajar.

Seperti dalam kes Kluster Tawar, katanya, sekolah di situ ditutup kerana terdapat cikgu positif dan menjangkiti murid.

Kata beliau, 12 sekolah yang ditutup itu ialah di Negeri Sembilan melibatkan tiga sekolah ditutup dan masing-masing berkaitan dengan Kluster Cahaya, Kluster Sofi dan Kluster Bah Manggis.

Di Johor pula, katanya, tiga sekolah ditutup berkaitan dengan Kluster Simera dan Kluster Rinting (dua sekolah).

Jelas beliau, di Kuala Lum-

pur, sebanyak dua sekolah ditutup berkaitan dengan Kluster Jalan Pantai dan Kluster Long manakala di Pulau Pinang, satu sekolah ditutup iaitu berkaitan dengan Kluster Alma.

